

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN M. KULASEGARAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) jumlah kes Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang dirujuk oleh Menteri setakat ini; dan
- (b) bilakah pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 akan diwartakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, terdapat beberapa Seksyen di dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) yang melibatkan kuasa YB Menteri Sumber Manusia dalam membuat keputusan sama ada kes dirujuk atau tidak dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.
2. Antaranya adalah kes aduan di bawah Seksyen 8, kes melibatkan Perjanjian kolektif di bawah Seksyen 13, kes pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 18 dan kes representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177).
3. Bilangan kes yang telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan pada tahun ini sehingga 15 Oktober 2020 adalah sebanyak tiga (3) kes di bawah Seksyen 8, dua puluh (20) kes di bawah Seksyen 13, dua belas (12) kes di bawah Seksyen 18 dan 1,723 kes di bawah Seksyen 20.
4. Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk menetapkan tarikh kuatkuasa pindaan Akta ini mulai 1 Januari 2021. Kementerian pada masa ini sedang dalam proses untukewartakan tarikh kuatkuasa akta tersebut.

Sekian, terima kasih.